

**GARIS PANDUAN PENGECCUALIAN 50% DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS
KENDERAAN PERSENDIRIAN OLEH KAKITANGAN KERAJAAN
YANG TAMAT BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA**

1. Pengenalan

Kakitangan Kerajaan (tidak terpakai kepada kakitangan Badan Berkanun) yang tamat berkhidmat di luar negara layak mendapat pengecualian 50% duti import dan duti eksais ke atas kenderaan persendirian yang dibawa balik dari luar negara merujuk kepada Butiran 119 Perintah Duti Kastam (Pengecualian)(Pindaan)(No.4) 2023 dan Butiran 43 Perintah Duti Eksais (Pengecualian)(Pindaan) 2023.

2. Syarat Kelayakan

- (i) Pemohon mestilah telah berkhidmat **tidak kurang dari dua belas (12) bulan** di luar negara;
- (ii) Kenderaan yang hendak diimport telah didaftarkan atas nama pemohon tempat ia bertugas di luar negara dalam tempoh **tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh bertukar balik ke Malaysia**;
- (iii) Pengecualian 50% duti import dan duti eksais hanya diberi kepada pegawai/kakitangan yang bertukar balik ke Malaysia dan bukannya bertukar ke negara lain;
- (iv) Bagi pemohon yang ditukarkan secara *cross-posting* ke negara lain tetapi tidak boleh membawa masuk kenderaan ke negara tersebut atas sebab-sebab tertentu, dibenarkan memohon pengecualian di atas dengan syarat apabila bertukar balik ke Malaysia kelak tiada pengecualian cukai diberikan;
- (v) permohonan perlu **dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan** daripada tarikh diarah pulang/bertugas; dan
- (vi) Semua **dokumen sokongan perlu disahkan** oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A.

3. Senarai dokumen sokongan yang diperlukan:

- (i) Salinan perlantikan sebagai duta/surat arah bertugas ke luar negara;
- (ii) Salinan surat arahan pertukaran pulang ke Malaysia;
- (iii) Salinan geran kenderaan;
- (iv) Salinan kad pendaftaran kenderaan di luar negara termasuk terjemahan yang diakui sah jika tidak tertulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris;
- (v) Salinan Permit Import (AP);
- (vi) Salinan lesen memandu (muka depan dan belakang);
- (vii) Salinan kad pengenalan (muka depan dan belakang);
- (viii) Salinan passport yang lengkap termasuk mengandungi cop Jabatan Imigresen ketika pemohon berangkat ke luar negara dan pulang ke tanah air; dan
- (ix) Surat permohonan daripada Ketua Jabatan yang mengesahkan telah melapor diri di penempatan baru; dan
- (x) Surat justifikasi kelewatan mengemukakan permohonan pengecualian duti import dan duti eksais [jika tidak mematuhi syarat kelayakan 2(iv)].

4. Syarat-Syarat Kelulusan

- (i) Kenderaan hendaklah didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atas nama pemohon;
- (ii) Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik tanpa membayar balik duti import dan duti eksais mengikut kiraan Jabatan Kastam Diraja Malaysia semasa berlakunya penjualan atau pertukaran milik.

5. Permohonan boleh dikemukakan ke email pcktp@customs.gov.my atau boleh menghubungi pegawai seperti berikut untuk pertanyaan:

Nama Pegawai : **Ahmad Yuslizan bin Mohamad**
No. Tel : **03 – 8882 2556**
Email : **yuslizan.mohamad@customs.gov.my**

Nama Pegawai : **Norsyida binti Zulhalmi**
No. Tel : **03 – 8882 4856**
Email : **norsyida.zulhalmi@customs.gov.my**

Bahagian Perkastaman, Cawangan Import Eksport dan Kawalan Sempadan
Unit Kawalan Import Eksport 1
18 September 2023